

Legenda Naga Pangeran

Pada suatu masa di zaman dahulu terdapatlah sebuah negara bernama Nagarang. Rakyat negara itu hidup dengan aman dan makmur. Negara Nagarang mempunyai sebuah kuala sungai yang terlalu elok dibuat pelabuhan. Sudah termashyur keseluruh rantau akan keadilan dan keindahan negara Nagarang sehinggakan ramailah dagang senteri datang berjual-beli di negara Nagarang itu sehingga setiap hari berpikul-pikul emas yang bertukar tangan.

Raja dan permaisuri negara tersebut mempunyai seorang puteri yang amat jelita. Akan puteri itu amat disayangi oleh baginda berdua kerana baik rupanya dan budi bahasanya. Malah seluruh rakyat juga amat menyayangi puteri baginda. Akan kecantikan puteri baginda itu dikata orang, rambutnya hitam ikal mayang lagi panjang mengurai, mukanya bujur sirih, pipi bagai pauh dilayang, kulitnya putih melepak bagaikan kapas terkupas, dadanya bidang lehernya jinjang, betisnya bunting padi. Jikalau tuan puteri itu minum nescaya air terbayang di halkumnya, demikianlah kecantikan tuan puteri diceritakan orang.

Maka pada suatu hari datanglah satu musibah melanda negara Nagarang itu. Seekor naga pangeran yang datang dari benua yang jauh telah lalu dengan berenang di laut dalam. Maka apabila naga pangeran itu ternampak akan muara negara Nagarang maka bersegeralah naga pangeran itu mudik ke kuala untuk berehat melepaskan penat dan mencari makan. Maka selepas mudik ke darat sekadar sepenanak nasi lamanya maka naga pangeran itu pun memanjat tebing sungai. Apabila sampai kedarat, maka naga itu melihat terlalu banyak kerbau lembu kepunyaan raja berkeliaran di bendang. Oleh kerana naga pangeran tersebut tersangat lapar kerana sudah lama mengembara, maka dengan tidak berlengah lagi naga itu menerkam dan membunuh berpuluh-puluh ekor kerbau dan lembu lalu dimakannya.

Maka gemparlah segala pengembala raja melihatkan rupa naga pangeran itu yang terlalu bengis dengan besarnya. Segala gembala pun pergilah ke istana untuk memberitahu kepada raja akan kisah naga yang terlalu garang dan besarnya telah datang membunuh segala ternakan raja sekiannya. Maka apabila di dengar oleh raja akan bisingnya di perkarangan istana maka segeralah baginda bertanya apakah yang terjadi. Maka segeralah disembah pegawai menteri kononnya ada seekor naga ganas yang datang menyerang negeri. Maka baginda terkejut sambil menampar-nampar dahi, "Aduhai, bala apa pula yang datang, musibah apa pula yang menjenguk." demikian baginda berkata.

Setelah yang sedemikian, baginda segera memanggil temenggung dan laksamana untuk bermesyuarat, "Apakah yang elok kita lakukan sekarang kerana katanya naga telah datang mengganas. Maka apakah kita hendak membiarkan atau kita hendak menyerang? Hendak diserang, kononnya kata naga tersangat kebal, hendak dibiarkan naga terlalu ganas." Maka sekian menteri, temenggung dan laksamana pun menyatakan pendapat masing-masing. Maka menyembahlah temenggung, "Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. Pada pendapat patik ini, elok sekiranya kita biarkan naga itu makan sebanyak yang dia suka, kerana naga ini naga yang dagang. Jadi pastinya setelah ia kenyang, naga akan berlalu, dan rakyat jelata tidak rosak. Ampun tuanku."

Setelah didengari oleh baginda maka bagindapun tunduk memikirkan hal tersebut, akan tetapi kata temenggung juga yang disukai baginda. Maka baginda bertitah "Jikalau yang sedemikian, maka eloklah kita mengundur segala rakyat dan dagang, kerana sekiranya kita menyerang ramailah rakyat yang mati, sedangkan sekiranya dibiarkan, naga itu hanya memakan kerbau dan lembu sahaja juga. Kerbau dan lembu boleh dibeli, tetapi kalau binasa rakyat, hancurlah negeri." Maka sesudah bermesyuarat, segeralah diperbuat sebagaimana dititah oleh baginda.

Akan naga pangeran itu pun kenyanglah maka tertidurlah naga itu selama beberapa hari. Ketika naga pangeran itu tertidur, maka datanglah segerombolan perompak yang mendengar tentang khabar naga menyerang negara Nagarang dan telah datang untuk mencari peluang untuk merompak dan mengumpul harta. Maka dilihatnya terlalu banyak kerbau dan lembu berkeliaran tanpa gembala, kerana telah diperintah raja agar dibiarkan segala kerbau lembu, jangan diambil agar menjadi makanan naga sehingga naga itu kenyang nanti dan cepat pergi dari situ. Maka perompak itu merasa terlalu gembira, maka segeralah dia menyuruh orang-orangnya menghalau kerbau dan lembu itu untuk dibawa pergi. Lagipun, hatinya kecut melihat naga pangeran itu terlalu besar dan dashyat rupanya itu.

Setelah naga pangeran tersebut bangun maka dilihatnya tidak terdapat seekorpun kerbau lembu untuk dimakannya, maka beranglah naga pangeran tersebut lalu naga pangeran itu pun merayau-rayau mengganas mencari makanan, maka banyaklah manusia yang menjadi mangsanya. Apabila dilihat oleh raja bahawa naga itu mula mengganas, maka segeralah disuruhnya seribu orang pengawal untuk duduk menjaga puteri baginda, sementara baginda sendiri bersiap sedia untuk menggempur naga pangeran tersebut. Maka dipesannya kepada seribu pengawal agar segera membawa puteri baginda pergi ke negara Gangga Sabak sekiranya baginda tewas kerana biarlah puterinya hidup walaupun baginda mati. Maka menangislah ketiga beranak dengan begitu pilu sehinggakan sekian yang melihat tidak dapat tidak, pasti mengalir air mata melihat telatah tiga beranak tersebut.

Setelah itu baginda pun segera memimpin angkatan perang baginda menyerang naga pangeran tersebut. Maka setelah dilihat oleh naga pangeran angkatan baginda, maka segeralah naga pangeran itu menyerbu mereka kerana naga pangeran itu pun terlalu lapar. Segera baginda menyuruh memalu gendang perang dan dengan gegak gempita bunyi gendang perang angkatan perang Nagarang menyerang dengan lontaran panah dan tombak seperti hujan mengenai naga pangeran tersebut tetapi tidak dihiraukan oleh naga pangeran itu kerana tebalnya sisik naga pangeran itu sehinggakan tidak dapat ditembusi oleh panah dan lembing. Maka diserbu pula oleh

naga pangeran dan ditelannya askar baginda dan yang lain panglima sehingga pecahlah angkatan perang baginda dan habis bertebaran sekian askar tidak terperi lagi. Baginda juga turut tercedera, hanya dengan bersusah payah diselamatkan oleh temenggung jauh daripada naga pangeran.

Maka semua rakyat negara Nagarang itu pun berpindah lari kerana takutkan naga. Tambahan lagi raja Nagarang pun disangka sudah mati, pada siapa lagi mereka berlindung. Setelah sekian lama maka negara Nagarang tersebut tinggal menjadi padang jarak padang tekukur. Maka sekian pegawai yang seribu pun turut membawa tuan puteri lari kerana menyangka baginda telah mangkat dibaham naga. Oleh kerana sudah tidak ada orang yang tinggal di situ, maka naga pangeran tersebut sentiasa merasa lapar kerana tiada siapa lagi yang boleh dimakannya. Maka naga pangeran tersebut pun berpindah kenegara sebelah yang bernama Gangga Sabak kerana mengikut orang ramai yang berpindah itu.

Maka habislah gempar pula negara Gangga Sabak menjadi huru-hara akibat diserang oleh naga pangeran yang ganas itu. Semua rakyat menderita dan bimbang kerana ancaman naga pangeran tersebut. Maka pada suatu hari, putera raja pun datang menyembah agar dia dibenarkan pergi membunuh naga tersebut, tetapi dilarang oleh raja dan permaisuri kerana bimbang keselamatan putera mereka. Maka disuruhlah semua panglima dan tentera baginda untuk menyerang naga pangeran tersebut tetapi semua mereka gagal, malah ramai yang menjadi mangsa dimakan oleh naga pangeran sementara yang terselamat pula ramai yang cedera kerana terkena bilasan ekor atau kuku naga pangeran itu. Maka habislah segala rakyat berdukacita termasuk paduka duli raja menjadi masyghul.

Maka berfikirilah putera raja itu, "Jikalau begini habislah segala rakyat binasa sekiranya dibiarkan naga pangeran itu berluasa. Patutlah aku membunuhnya." Setelah berfikir sedemikian, maka putera raja itupun mengemaskan segala alat senjata dan bekalan yang patut lalu turun secara senyap-senyap pada waktu tengah malam untuk mencari naga tersebut. Ketika itu juga, rombongan daripada negara Nagarang yang sedang dalam perjalanan membawa puteri raja telah pun berpatah balik kerana sudah mereka mendapat berita bahawa baginda raja Nagarang masih hidup. Malang pula nasib mereka kerana tanpa disangka-sangka, ketika mereka memasuki sempadan negara Nagarang terserempak pula rombongan tuan puteri itu dengan naga pangeran itu.

Maka apabila naga pangeran itu ternampakkan rombongan tersebut, maka segera naga pangeran menyerang tetapi dilawan oleh pengiring-pengiring tuan puteri tersebut dengan bersungguh-sungguh, kerana pengiring-pengiring tuan puteri raja itu berani-berani belaka dan tidak seorangpun yang mahu melarikan diri. Melihatkan pengiring-pengiring tuan puteri tersebut tidak berganjak, maka naga pangeran itu pun marahlah dan terus menggempur mereka dengan lebih buas lagi sehinggakan alah semua pengiring-pengiring tuan puteri tersebut sehinggalah kesemua mereka menjadi mangsa naga, tidak tinggal seorang pun berbaki. Setelah habis pengiring-pengiring tuan puteri Nagarang yang seribu itu dimakan naga tersebut, maka naga pangeran itu pun menggenggam tuan puteri itu agar tidak dapat lari sementara naga pangeran tersebut tidur kerana kekenyangan dan kepenatan kerana bertempur dengan pengiring-pengiring tuan puteri tersebut. Naga pangeran tersebut berhajat

untuk menyimpan tuan puteri itu untuk dimakan pagi besok kerana ia sudah kekenyangan.

Ketika putera raja itu sampai, dia merasa hairan melihat senjata dan peralatan yang bersepah, tetapi tidak ada mayat yang tinggal kerana semuanya habis diratah oleh naga pangeran tersebut. Dalam putera raja itu sibuk mencari-cari, maka didengarinya tangisan puteri raja itu sayup-sayup. Segera putera raja itu mendapatkan tuan puteri raja itu, maka dilihat naga pangeran itu tidur terlalu menakutkan dengan gigi yang ternganga dan gigi yang tajam sementara dalam genggaman naga itu terdapat seorang gadis jelita. Maka diberi isyarat oleh putera raja itu agar puteri raja itu duduk diam-diam, sementara putera raja itu pun mengambil tali lalu diikat segala kaki dan ekor naga pangeran yang sedang tidur kerana kekenyangan itu.

Setelah diikat naga pangeran tersebut dengan kemasnya, putera raja itu pun melepaskan tuan puteri itu daripada genggaman naga tersebut. Setelah itu barulah putera raja itu menetak leher naga pangeran itu. Akan tetapi sisik naga pangeran itu terlalu kuat sehinggakan tidak lut pedang putera itu menetak. Naga pangeran itu pun membukakan matanya setelah merasa lehernya ditetak. Puteri raja menjerit ketakutan, akan tetapi putera raja tidak merasa takut sedikitpun kerana yakin ikatannya itu terlalu kemas sehinggakan naga pangeran sekalipun tidak akan terlepas. Maka betulah seperti yang dijangkakan, naga pangeran itu mengelupur tetapi tidak dapat melepaskan dirinya, sementara putera raja itu pula menjolokkan mata pedang di bawah sisik kepala naga pangeran itu dan menikam kepala naga pangeran itu berkali-kali.

Naga pangeran itu mengaum kesakitan lalu mengelupur sehingga putera raja itu tercampak bersama pedangnya sehingga pengsan, tetapi pedang yang ditikam oleh putera itu telah mencederakan kepala naga pangeran itu dengan teruk sehingga naga pangeran itu akhirnya mati. Puteri raja itu duduk menangis disebelah putera raja itu yang disangkanya telah mati. Secara kebetulan lalulah segerombolan perompak yang telah merompak kerbau lembu itu dahulu, kerana hendak mengambil kesempatan lain daripada keadaan huru-hara disebabkan semua pengawal telah dikerah memerangi naga pangeran tersebut. Apabila ketua perompak itu melihat naga pangeran itu telah mati maka dia merasa dukacita kerana peluangnya untuk merompak akan tamat.

Akan ketika puteri raja melihat gerombolan perompak itu datang, dia mencabut cincinnya lalu mengikatnya kepada rambut putera raja yang pengsan itu lalu cuba menyorok. Sementara itu ketua perompak menyuruh orang-orangnya memeriksa kawasan sekeliling untuk mencari harta yang tertinggal apabila mereka menjumpai puteri raja itu. Ketua perompak itu merasa sukacita apabila dia melihat puteri yang menangis kerana dia kenal bahawa gadis yang sedang menangis itu adalah puteri raja. Dengan sukacita dia menyuruh orang-orangnya memotong kepala naga tersebut dan memaksa puteri raja itu mengaku bahawa dialah yang membunuh naga tersebut. Puteri raja itu ketakutan lalu mengikut apa yang disuruh oleh ketua perompak itu.

Ketua perompak itu terlalu gembira sehinggakan dia tidak menunggu untuk mengambil kuda putera raja itu, yang lari apabila kumpulan perompak itu

menghampiri tempat itu, kerana dia hendak cepat berjumpa dengan bapa tuan puteri itu. Ketua perompak itu segera membawa puteri itu berjumpa raja lalu mengaku bahawa dialah yang membunuh naga itu dan menyelamatkan tuan puteri. Dia juga menuntut agar dikahwinkan dengan puteri raja itu. Raja Nagarang merasa dukacita kerana dia tidak mahu mengahwinkan puterinya dengan ketua perompak itu, tetapi dia tidak mempunyai pilihan lagi.

Ketika itu putera raja yang pengsan itu sudah tersedar, dia mendapati dia keseorangan. Pada mulanya dia merasa dukacita kerana menyangka gadis itu telah meninggalkannya, tetapi setelah mendapati semua alat senjata yang bersepah itu telah tiada, dia tahulah bahawa ada orang yang telah datang dan membawa gadis itu pergi. Putera itu berazam untuk menjejak gadis itu kerana dia sudah jatuh hati kepada gadis itu. Dia segera memanggil kudanya yang setia lalu menjejaki kumpulan perompak itu. Setelah merendah lurah dan belukar, putera raja itu merasa hairan kerana jejak itu akhirnya membawa kearah sebuah istana.

Apabila sampai putera itu melihat seluruh bandar tersebut terhias indah tetapi muka penduduk bandar itu semuanya muram-muram belaka. Putera raja itu merasa hairan lalu bertanyakan sebabnya kepada orang ramai, yang menerangkan kepadanya bahawa puteri raja itu yang telah diselamatkan daripada seekor naga oleh ketua perompak. Dan sekarang ketua perompak itu akan berkahwin dengan puteri tersebut. Barulah putera raja itu mengetahui bahawa gadis yang diselamatkannya adalah seorang puteri, dan ini membuat dia lebih berazam untuk menyelamatkan puteri itu daripada cengkaman perompak itu. Dia segera menunggang kudanya memasuki dewan tempat perkahwinan ketua perompak itu sedang dijalankan.

Keadaan menjadi gempar kerana putera raja itu merempoh masuk dengan kuda untuk berdepan dengan ketua perompak tersebut. "Sebenarnya sayalah yang membunuh naga tersebut!" dia memberitahu raja dan orang ramai di dalam dewan tersebut. Ketua perompak itu tersenyum mengejek sambil menunding kepada kepala naga tersebut sambil berkata, "Akulah yang memotong kepala naga itu dan kepala naga itulah buktinya. Engkau tidak ada bukti."

Putera itu tersenyum lalu berkata, "Naga itu mati kerana tikaman aku di kepalanya. Bagaimana engkau hendak memotong kepalanya ketika ia masih hidup, sedangkan sisiknya terlalu kuat. Lihatlah bekas tikaman aku di atas kepala naga jika tidak percaya."

Serentak dengan itu, puteri raja Nagarang meluru kehadapan lalu menjerit "Benar. Pemuda inilah yang membunuh naga itu. Ketua perompak ini memaksa saya mengaku dialah yang membunuh naga atau dia akan mencederakan beta. Lihatlah cincin beta yang terikat dirambut pemuda itu yang beta ikatkan dirambutnya ketika dia pengsan selepas membunuh naga tersebut."

Pengawal raja segera memeriksa kepala naga tersebut dan apabila dia melihat bekas tikaman dicelah sisik naga tersebut pengawal tersebut segera mengiakan pengakuan putera raja tersebut. Ketua perompak itu merasa sungguh marah lalu segera mencabut pedangnya lalu meluru kearah puteri raja itu untuk membunuhnya, tetapi putera raja itu segera memecut kudanya lalu memancungkan kepala ketua perompak itu sehingga putus terpelanting di atas lantai.

Pengikut perompak itu segera menyerah diri apabila melihatkan ketua mereka sudah mati. Raja Nagarang sungguh gembira melihatkan ketua perompak itu sudah mati, malah puteri raja itu juga bertambah gembira apabila mendapati pemuda itu juga merupakan seorang putera raja. Melihatkan kedua-dua mereka sudahpun jatuh cinta sesama mereka, raja mengumumkan bahawa majlis perkahwinan tersebut akan diteruskan. Mereka berdua berkahwin dan hidup bahagia selamanya.

TAMAT